



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

PELAN STRATEGIK **DAYAJEJAK HAIWAN KEBANGSAAN**

2018-2022

JABATAN
PERKHIDMATAN
VETERINAR





KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI



PELAN STRATEGIK DAYAJEJAK HAIWAN KEBANGSAAN 2018-2022

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

PELAN STRATEGIK DAYAJEJAK HAIWAN KEBANGSAAN 2018-2022

Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya dan dengan apa cara kebenaran bertulis penerbit.

Terbitan :

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62630 Putrajaya, Malaysia.

Tel : 603-88702000

Faks : 603-88886021

Emel : pro@dvs.gov.my

Laman web : www.dvs.gov.my

Cetakan Pertama 2018



ISI KANDUNGAN

Kata Penghantar	4
Prakata	5
Penghargaan	6
Akronim	7
1.0 Pengenalan	8
2.0 Visi dan Misi	13
3.0 Matlamat	13
4.0 Pendekatan Strategik	14
4.1 Strategi 1 : Pemantapan tadbir urus dayajejak haiwan	14
4.2 Strategi 2 : Penguatkuasaan penggunaan tanda pengenalan haiwan dan hasilan haiwan	15
4.3 Strategi 3 : Pengukuhan penyelidikan mengenai tanda Haiwan	16
4.4 Strategi 4 : Pemerksaan Sistem Pendaftaran Haiwan dan Premis serta Dayajejak Kebangsaan (ePermit2)	17
4.5 Strategi 5 : Keberkesanan sistem tanda pengenalan haiwan dan Premis serta Dayajejak	18
5.0 Pelan Pelaksanaan	19
Senarai ahli jawatankuasa penyediaan pelan strategik	26



KATA PENGHANTAR

YBhg. Dato' Dr. Quaza Nizamuddin bin Hassan Nizam

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

Dayajejak haiwan adalah salah satu komponen yang penting dalam membantu mengawal dan membasmi penyakit haiwan. Sistem dayajejak haiwan bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia. Pelaksanaannya telah bermula sejak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) ditubuhkan pada tahun 1988 melalui pendaftaran haiwan, pelesenan anjing dan pengeluaran sijil kesihatan veterinar (SKV).

Walaubagaimanapun, hasil penilaian World Organisation for Animal Health (OIE) pada tahun 2017 mendapat masih terdapat jurang pada sistem dayajejak di Malaysia yang perlu diperbaiki bagi mempercepatkan dan mencapai dayajejak haiwan yang lengkap. Penggunaan tanda pengenal haiwan sangat penting bagi memastikan kesinambungan dayajejak haiwan sangat penting bagi memastikan kesinambungan dayajejak haiwan di sepanjang rantau makanan ataupun kehidupannya. Setiap haiwan juga mempunyai hubungkait dengan premis yang perlu didaftarkan dan direkod pemilikannya dan pergerakannya.

Maka dengan itu, pelan strategik ini dirangka bagi menambahbaik sistem dayajejak haiwan sedia ada yang mengambilira dayajejak dari ladang sehingga ke meja makan.

Dengan adanya pelan strategik ini diharap dapat memantapkan lagi sistem dayajejak haiwan sedia ada dan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan veterinar di Malaysia. Sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan pelan strategik ini.



PRAKATA

Dr. Marzuki bin Zakaria

Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Matlamat sistem dayajejak adalah untuk menjelaki ternakan ke ladang asalnya dalam tempoh masa tertentu selepas penemuan penyakit bagi membolehkan wabak penyakit dikawal dan dibasmi dengan pantas dan mengekalkan bekalan makanan berunsur protein bagi permintaan dalam negara dan untuk eksport. Adalah sangat penting sistem dayajejak yang lengkap, merangkumi tiga komponen utama iaitu pengenalan haiwan, pendaftaran premis dan pemantauan pemindahan haiwan dan hasilan haiwan.

Buat masa sekarang, penggunaan tanda pengenalan haiwan belum diseragamkan dan pada karkas terutamanya ruminan dan babi di seluruh negara serta kawalan pemindahan beberapa jenis komoditi ternakan, hasilan dan produk ternakan belum dikuatkuasakan sepenuhnya.

Pelan Strategik Dayajejak Haiwan Kebangsaan yang telah dirangka ini, mengambil pendekatan 5 strategi utama iaitu pemantapan tadbir urus dayajejak haiwan, penguatkuasaan penggunaan tanda pengenalan haiwan dan hasilan haiwan, pengukuhan penyelidikan mengenai tanda pengenalan haiwan, pemerkasaan sistem pendaftaran haiwan dan premis serta dayajejak kebangsaan (ePermit 2) dan keberkesanannya sistem tanda pengenalan haiwan dan premis serta dayajejak. Menerusi pelan strategik ini, sistem dayajejak haiwan sedia ada akan dimantapkan lagi, data diharmonikan, sistem-sistem sedia ada diintegrasikan dan undang-undang berkaitan dengannya dikuatkuasakan.

Akhir kata, tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan pelan strategik ini dan diharap semoga strategi dan aktiviti yang dirangka akan mendatangkan hasil yang memberi manfaat kepada jabatan, penternak dan orang awam.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penyediaan Pelan Strategik Dayajejak Haiwan Kebangsaan ini samada secara langsung mahupun tidak langsung, terutama sekali kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan), Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Negeri, Ketua-ketua Seksyen dan Unit serta semua ahli yang terlibat dalam penyediaan pelan strategik ini.




AKRONIM

ADIC	Animal Disease Information Centre
APTVM	Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
BDKK	Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti
BHG	Bahagian
BLPK	Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya
BPI	Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
BPIH	Bahagian Pembangunan Industri Hiliran
BPKT	Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan
BPSPS	Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS
BPSTT	Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan
DVS	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
ID	Identification
IKS	Industri Kecil Sederhana
JK	Jawatan kuasa
MATs	Malaysia Animal Traceability System
OIE	World Organisation for Animal Health
PV	Pejabat Veterinar
RFID	Radio Frequency Identification
SKAPP	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
SKV	Sijil Kesihatan Veterinar
STM	Seksyen Teknologi Maklumat
TAC	Target Area Concentration
VRI	Veterinary Research Institute

1.0 PENGENALAN


Sistem pengenalan haiwan dan dayajejak merupakan satu mekanisme penting bagi membantu memantau kesihatan haiwan dan awam, keselamatan makanan, aktiviti penternakan dan perdagangan. Sistem dayajejak yang lengkap merangkumi tiga komponen utama iaitu pengenalan haiwan, pendaftaran premis dan pemantauan pemindahan haiwan dan hasilan haiwan. Kebanyakan Negara pengeluar daging di dunia seperti Brazil, Australia, Eropah dan Kanada mempunyai sistem pendaftaran haiwan dan dayajejak masing-masing.

Bermula tahun 2008, Malaysia telah mewujudkan Malaysia Animal Traceability System (MATs) yang terdiri daripada beberapa sistem modular termasuk ePermit1, eQuarantine, ePermit2, Pet Passport, eBreed, Burung Walit, TAC Online, Animal Disease Information Centre (ADIC), SIHAT, eMAKVET dan eKarkas seperti gambarajah 1 di bawah. MATs diwujudkan bertujuan untuk mengawal pemindahan haiwan dan penularan penyakit haiwan berdasarkan Akta Binatang 1953 (semakan 2006) dan Enakmen Pendaftaran Lembu Kerbau Negeri. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa peraturan di bawah Akta Binatang 1953 (semakan 2006) masih belum dikuatkuasakan. Justeru, penggunaan beberapa sistem tersebut masih belum digunakan secara optimum.



Gambarajah 1 : Sistem modular di bawah Malaysia Animal Traceability System (MATs)

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) adalah bertanggungjawab memastikan keutuhan rantaian dayajejak bermula dari ladang dan berakhir di pasar. Pada asasnya, sistem modular yang sedia ada telah merangkumi segala aspek keperluan dayajejak termasuk haiwan, hasilan dan produk haiwan tempatan dan juga import (Gambarajah 2). Walaubagaimanapun, masih terdapat jurang yang telah dikenalpasti di sepanjang rantaian dayajejak yang perlu diatasi.



Gambarajah 2 : Traceability from farm to table and vice versa

Pada masa kini, terdapat beberapa jenis tanda pengenalan haiwan digunakan sama ada secara individu atau berkumpulan. Kaedah pengenalan haiwan secara individu termasuklah tag telinga (visual dan RFID), *neck collar*, *rumen bolus*, mikrocip dan tanda cacah (Gambarajah 3). Manakala, kaedah pengenalan haiwan secara berkumpulan menggunakan kod ladang, *batch/lot number*, kacip telinga dan *freeze branding*.



Visual ear tag




Freeze branding



Tanda cacah



Neck collar



Kacip telinga



Mikrocip & Pet Pasport



Gambarajah 3 : Jenis-jenis tanda pengenalan haiwan

Penggunaan tag *radio frequency identification* (RFID) telah mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2009 untuk menanda ternakan yang telah diberi vaksin FMD sebagai inisiatif untuk mengawal penyakit tersebut. Bermula dari situ, penggunaannya telah diperluaskan kepada ternakan import terutama yang dibawa masuk dari Thailand dan Myanmar. Penggunaan tag RFID pada ternakan tempatan juga adalah sangat digalakkan bagi membantu dayajejak selain daripada penggunaan tanda pengenalan yang lain seperti tag telinga visual dan *branding*. Walaubagaimanapun, terdapat banyak isu mengenai penggunaan tanda pengenalan haiwan yang berlaku.

Isu-isu pelaksanaan penggunaan tanda pengenalan haiwan :

1. Tanda pengenalan haiwan yang tidak seragam pada ruminan telah menyukarkan proses dayajejak semasa pemindahan ternakan.
2. Tiada peraturan (Perintah Binatang: Tanda Pengenalan) yang mewajibkan pemberian tanda pengenalan haiwan.
3. Pendaftaran haiwan dalam Sistem ePermit2 tidak menyeluruh dan data yang sedia ada juga tidak dikemaskini oleh negeri/daerah.
4. Terdapat pemindahan haiwan (ruminan, babi dan unggas) tanpa tanda pengenalan di dalam Negara.
5. Pemindahan ternakan berlaku atas tujuan yang tidak sama seperti dalam permit.
6. Status (peratus) pemasangan tanda pengenalan haiwan tidak dapat dipastikan disebabkan pemberian tanda pengenalan hanya diwajibkan ke atas haiwan yang terlibat dengan pemindahan sahaja.

Bagi pendaftaran premis, setiap premis yang menjalankan urusan berkaitan haiwan termasuk ladang ternakan, abattoir, loji pemprosesan, klinik haiwan dan lain-lain premis adalah didaftarkan di dalam Sistem ePermit2 dan diberi ID Premis. Bagi premis burung walit pula, telah diwujudkan satu Sistem Burung Walit bagi mendaftarkan premis burung walit secara berasingan di mana premis burung walit ini dipasang RFID tag pada premis secara kekal dan direkodkan bacaan GPS premis tersebut. Penggunaan RFID dalam Sistem Burung Walit ini merupakan keperluan bagi menunjukkan sistem dayajejak produk walit untuk tujuan eksport.

Bagi hasilan dan produk haiwan pula, tanda pengenalan yang digunakan adalah *Barcode*, *QR code*, *tag karkas* dan *Farm code / lot number* (Gambarajah 4). Hasilan haiwan termasuklah telur, keratan daging dan ayam. Manakala produk haiwan seperti susu pasteur, telur masin, serunding dan lain-lain. Namun demikian, masih terdapat jurang dalam proses pelaksanaan tanda pengenalan yang perlu ditambahbaik. Antara produk haiwan utama yang diimport pula termasuklah keratan ayam dan daging lembu/kerbau.



Gambarajah 4 : Jenis-jenis tanda pengenalan hasilan dan produk haiwan

Isu-isu berkaitan pelaksanaan tanda pengenalan hasilan dan produk haiwan :

1. Penggunaan tanda pengenalan karkas (tag karkas) di Rumah sembelih swasta (ruminan dan babi) belum dijalankan secara menyeluruh.
2. Tiada kesinambungan antara tanda pengenalan karkas yang digunakan di rumah sembelih dengan tanda pengenalan haiwan semasa hidup.
3. Produk hasilan haiwan (tanpa persijilan VHM, GVHP) yang dikeluarkan oleh Industri Kecil Sederhana (IKS) masih belum mempunyai tanda pengenalan.
4. Tiada peraturan yang mewajibkan pemberian tanda pengenalan untuk produk.



Dalam skop yang lebih luas, kebanyakan sistem modular MATs didapati tidak berhubung antara satu sama lain. Sebagai contoh, sistem pemindahan haiwan dari luar ke dalam negara tidak berkait dengan sistem pemindahan haiwan dalam negara (antara negeri dan daerah). Begitu juga dengan sistem yang digunakan oleh makmal-makmal veterinar kawasan dan VRI iaitu eMAKVET yang masih belum digunakan secara menyeluruh dan tidak dihubungkan dengan sistem pemindahan haiwan antara negeri dan daerah. Selain haiwan, hasilan dan produk haiwan, masih terdapat kekurangan bagi dayajejak bahan biologik, drug veterinar dan makanan ternakan.

2.0 VISI DAN MISI

Visi : Pihak Berkuasa Veterinar yang mengawalselia dayajejak haiwan.

Misi : Berazam melaksanakan pengurusan dayajejak haiwan yang cekap demi meningkatkan dayasaing Negara.

3.0 MATLAMAT

- 3.1 Mentadbir urus Sistem Dayajejak Haiwan Kebangsaan dengan lebih cekap dan efisien.
- 3.2 Membolehkan dayajejak haiwan dan hasilan haiwan berfungsi secara menyeluruh melalui gabungan perundangan dan pentadbiran.
- 3.3 Memastikan keutuhan dan kewibawaan persijilan kesihatan veterinar (SKV) melalui dokongan dayajejak yang tepat dan cekap.

4.0 PENDEKATAN STRATEGIK

4.1 Strategi 1 : Pemantapan tadbir urus dayajejak haiwan

Objektif : Untuk memantapkan tadbir urus sistem pendaftaran Haiwan dan Premis serta Dayajejak Kebangsaan dengan berkesan

No.	Output	Aktiviti
1.	Unit Dayajejak Haiwan ditubuhkan	<p>1.1 Menubuhkan Unit Dayajejak Haiwan di bawah Seksyen Kawalan dan Pembasmiyan Penyakit (SKAPP). Perlu <i>dedicated team</i>.</p> <p>1.2 Mengawalselia Sistem Pendaftaran Haiwan dan Premis Kebangsaan melalui Sistem ePermit2 di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri.</p> <p>1.3 Mengadakan program latihan kompetensi untuk meningkatkan keupayaan pengurusan Unit Dayajejak Haiwan di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri.</p> <p>1.4 Memberi latihan kepada kumpulan yang dikenalpasti untuk membantu pemasangan tanda pengenal haiwan.</p> <p>1.5 Menjalankan pemantauan pelaksanaan pendaftaran haiwan dan premis di lapangan (negeri dan daerah).</p> <p>1.6 Membuat penyelenggaraan dan penambahbaikan dari semasa ke semasa (jika ada)</p>



4.2 Strategi 2 : Penguatkuasaan penggunaan tanda pengenalan haiwan dan hasilan haiwan

Objektif : Untuk memperkemaskan garis panduan dan menguatkuasakan undang-undang pemberian tanda pengenalan haiwan

No.	Output	Aktiviti
1.	Perintah Binatang (Tanda Pengenalan) diwujudkan	<ul style="list-style-type: none">1.1 Penyediaan draf Perintah Binatang (Tanda Pengenalan)1.2 Mendapatkan kelulusan YB Menteri1.3 Mewartakan Perintah Binatang (Tanda Pengenalan)1.4 Mengadakan sesi hebahan dan penerangan kepada kakitangan
2.	Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) dikemaskini dan Manual / Garis panduan penggunaan dan pemasangan tanda pengenalan haiwan disediakan	<ul style="list-style-type: none">2.1 Mengadakan bengkel pengemaskinian APTVM Pengenalan dan dayajejak haiwan, hasil dan produk serta premisnya dan penyediaan manual / garis panduan penggunaan dan pemasangan tanda pengenalan haiwan2.2 Mencetak manual / garis panduan penggunaan dan pemasangan tanda pengenalan haiwan2.3 Mengadakan sesi hebahan dan penerangan kepada kakitangan
3.	Pemasangan tanda pengenalan haiwan di lapangan	<ul style="list-style-type: none">3.1 Mengadakan program pemasangan tanda pengenalan haiwan3.2 Memantau pemasangan tanda pengenalan haiwan dan rekod di lapangan
4.	Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan	<ul style="list-style-type: none">4.1 Menjalankan pemantauan penguatkuasaan

4.3 Strategi 3 : Pengukuhan penyelidikan mengenai tanda pengenalan haiwan

Objektif : Untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan mengenai tanda pengenalan haiwan

No.	Output	Aktiviti
1.	Kajian penggunaan tanda pengenalan haiwan dan hasilan haiwan dijalankan	1.1 Menjalankan kajian penggunaan tanda pengenalan ruminan 1.2 Menjalankan kajian penggunaan tanda pengenalan babi 1.3 Menjalankan kajian penggunaan tanda pengenalan untuk hasilan dan produk haiwan
2.	Penilaian hasil penyelidikan dijalankan	2.1 Menilai keberkesanan hasil



4.4 Strategi 4 : Pemerkasaan Sistem Pendaftaran Haiwan dan Premis serta Dayajejak Kebangsaan (ePermit2)

Objektif : Untuk memantapkan sistem pendaftaran haiwan dan premis

No.	Output	Aktiviti
1.	Sistem Pendaftaran Haiwan dan Premis serta Dayajejak Kebangsaan (ePermit2) ditambahbaik	<ul style="list-style-type: none">1.1 Mengenalpasti isu-isu sistem Pendaftaran Haiwan dan Premis Kebangsaan (ePermit2)1.2 Menambahbaik Sistem Pendaftaran Haiwan dan Premis Kebangsaan (ePermit2) dan perolehan aset1.3 Melaksanakan pendaftaran atas talian1.4 Menjalankan pemantauan Sistem ePermit2
2.	Data perangkaan haiwan dan premis diwujudkan	<ul style="list-style-type: none">2.1 Membangunkan pangkalan data secara atas talian2.2 Mengintegrasikan data premis dan haiwan di negeri-negeri dan bahagian-bahagian berkaitan
3.	Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan	<ul style="list-style-type: none">3.1 Menjalankan pemantauan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan
4.	Kempen kesedaran awam mengenai kepentingan tanda pengenalan haiwan dan premis dijalankan	<ul style="list-style-type: none">4.1 Mengadakan roadshow atau kempen kesedaran mengenai kepentingan tanda pengenalan haiwan dan premis kepada penternak ruminan4.2 Mengadakan roadshow atau kempen kesedaran mengenai kepentingan tanda pengenalan haiwan dan premis kepada penternak babi4.3 Mengadakan roadshow atau kempen kesedaran mengenai kepentingan tanda pengenalan haiwan dan premis kepada pengusaha produk haiwan

4.5 Strategi 5 : Keberkesanan sistem tanda pengenalan haiwan dan Premis serta Dayajejak

Objektif : Untuk memastikan sistem tanda pengenalan haiwan dan Premis serta Dayajejak lebih berkesan

No.	Output	Aktiviti
1.	Pemantauan dan penilaian sistem pendaftaran pengenalan haiwan, premis dan dayajejak dijalankan	<ul style="list-style-type: none">1.1 Perlantikan <i>dedicated team</i>.1.2 Menyediakan kriteria penilaian (M&E)1.3 Menjalankan penilaian sistem pendaftaran pengenalan haiwan, premis dan dayajejak1.4 Menyediakan laporan dan memberi cadangan penambahanbaikan (jika ada)



5.0 PELAN PELAKSANAAN

Strategi 1 : Pemantapan tadbir urus dayajejak haiwan

NO.	AKTIVITI	UNIT PENGUKURAN	TINDAKAN	TAHUN				
				2018	2019	2020	2021	2022
Output 1 : Unit Dayajejak Haiwan ditubuhkan								
1	Menubuhkan Unit Dayajejak Haiwan di bawah Seksyen Kawalan dan Pembasmiان Penyakit.	Tarikh penubuhan Unit	SKAPP	Jun-18	-	-	-	-
2	Mengawalselia Sistem Pendaftran Haiwan dan Premis serta Dayajejak Kebangsaan melalui Sistem ePermit2 di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri.	Kekerapan penyeliaan	SKAPP	Setiap hari				
3	Mengadakan program latihan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan unit di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri	Bilangan latihan	SKAPP, BLPK	2 sesi latihan	4 sesi latihan	4 sesi latihan	4 sesi latihan	4 sesi latihan
4	Memberi latihan kepada kumpulan yang dikenalpasti untuk membantu pemasangan tanda pengenalan haiwan	Kos (RM ribu)	SKAPP, Negeri	6	12	12	12	12
5	Menjalankan pemantauan pelaksanaan pendaftaran haiwan dan premis di lapangan (Negeri dan Daerah)	Bilangan pemantauan	SKAPP	-	14 kali	14 kali	14 kali	14 kali
6	Membuat penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem dari semasa ke semasa (jika ada)	Kos (RM ribu)	Tarikh penyelenggaraan dan perambahbaikan (jika ada)	-	28	28	28	28

Strategi 2: Penguatkuasaan penggunaan tanda pengenalan haiwan

NO.	AKTIVITI	UNIT PENGUKURAN	TINDAKAN	TAHUN				
				2018	2019	2020	2021	2022
Output 1 : Perintah Binatang (Tanda Pengenalan) diwujudkan								
1	Penyediaan derai Perintah Binatang (Tanda Pengenalan)	Bilangan bengkel Kos (RM ribu)	BPSPS, Unit Undang-undang	2	2	-	-	-
2	Mendapatkan kelulusan YB Menteri	Tarikh kelulusan	BPSPS, Unit Undang-undang	-	-	Aug-19	-	-
3	Mewartakan Perintah Binatang (Tanda Pengenalan)	Tarikh diwartakkan	BPSPS, Unit Undang-undang	-	-	Sep-19	-	-
4	Mengadakan sesi hebatan dan penerangan kepada kakitangan	Bilangan hebatan Kos (RM ribu)	BPSPS, BHG. PENGUATKUASA	-	-	16	-	-
						32	-	-
Output 2: Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTV/M) dikemasuki dan Manual / Garis panduan penggunaan dan pemasangan tanda pengenalan haiwan disediakan								
Mengadakan bengkel pengemaskinian APTVM Pengenalan dan daya ejak haiwan, hasil dan produk serta premisnya dan penyediaan manual / garis panduan penggunaan dan pemasangan tanda pengenalan haiwan								
1		Bilangan bengkel	SKAPP, BPKT	2	-	-	-	-
2	Mencetak manual / garis panduan penggunaan dan pemasangan tanda pengenalan haiwan	Kos (RM ribu)	Tarikh garis panduan dikeluarkan	20	-	-	-	-
3	Mengadakan sesi hebatan dan penerangan kepada kakitangan	Kos (RM ribu)	SKAPP	-	-	Jan-19	-	-
		Bilangan hebatan	SKAPP	-	-	10	10	-
		Kos (RM ribu)	-	-	-	20	20	-

NO.	AKTIVITI	UNIT PENGUKURAN	TINDAKAN	TAHUN				
				2018	2019	2020	2021	2022
Output 3 : Pemasangan tanda pengenalan haiwan di lapangan								
1	Mengadakan program pemasangan tanda pengenalan haiwan	Peratus ternakan lembu diberi tanda pengenalan	PV Daerah	10%	30%	50%	80%	100%
2	Memantau pemasangan tanda pengenalan haiwan dan rekod di lapangan	Bilangan pemantauan	DVS Negeri	-	Sekali setahun	Sekali setahun	Sekali setahun	Sekali setahun
Output 4 : Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan								
1	Menjalankan pemantauan penguatkuasaan	Bilangan pemantauan	BHG. PENGUATKUASA	-	Empat kali sebulan	Empat kali sebulan	Empat kali sebulan	Empat kali sebulan

Strategi 3: Pengukuran penyelidikan mengenai tanda pengenal haiwan

NO.	AKTIVITI	UNIT PENGUKURAN	TINDAKAN	TAHUN				
				2018	2019	2020	2021	2022
Output 1 : Kajian penggunaan tanda pengenal haiwan dan hasilan haiwan dijalankan								
1	Menjalankan kajian penggunaan tanda pengenal ruminan	Bilangan kajian	BPSPS, BPI, BPKT, BPSTT	1	1	-	-	-
	Kos (RM ribu)			20	20	-	-	-
2	Menjalankan kajian penggunaan tanda pengenal babi	Bilangan kajian	BPSPS, BPI, BPKT	-	1	-	-	-
	Kos (RM ribu)			-	20	-	-	-
3	Menjalankan kajian penggunaan tanda pengenal untuk hasilan dan produk haiwan	Bilangan kajian	BPSPS, BPI, BPIH	-	-	1	1	-
	Kos (RM ribu)			-	-	20	20	-
Output 2 : Penilaian hasil penyelidikan dijalankan								
1	Menilai keberkesanannya hasil penyelidikan	Tarikh penilaian	SKAPP	-	1	1	1	1



Strategi 4 : Pemerkasaan Sistem Pendaftaran Haiwan dan Premis serta Dayajejak Kebangsaan (ePermit2)

NO.	AKTIVITI	UNIT PENGUKURAN	TINDAKAN	TAHUN				
				2018	2019	2020	2021	2022
Output 1 : Sistem Pendaftaran Haiwan dan Premis Kebangsaan (ePermit2) ditambahbaik								
1	Mengenalkan isu-isu sistem Pendaftaran Haiwan dan Premis Kebangsaan (ePermit2)	Bilangan bengkel Kos (RM ribu)	SKAPP, Negeri	1	-	-	-	-
2	Menambahbaik sistem Pendaftaran Haiwan dan Premis Kebangsaan (ePermit2) dan perolehan aset	Tarikh penambahan/balkan Kos (RM ribu)	SKAPP	-	Jun-19	-	-	-
3	Melaksanakan pendaftaran atas talian	Peratus pendaftaran atas talian Kos (RM ribu)	Negeri	10%	30%	50%	80%	100%
4	Menjalankan pemantauan sistem ePermit2	Kekerapan pemantauan Kos (RM ribu)	SKAPP	Sekali seminggu				
Output 2 : Data perangkaan haiwan dan premis diwujudkan								
1	Membangunkan pangkalan data secara atas talian (census)	Tarikh dibangunkan Kos (RM ribu)	SKARP, BHG, Perancang, STM	-	-	Mac-20	-	-
2	Mengintegrasikan data premis dan haiwan di negeri-negeri dan bahagian-bahagian berkaitan	Peratus pengintegrasian Kos (RM ribu)	BSPS, BDKK, BPH, BPST, BKPT, BHG. Perancang, Negeri	-	-	20%	50%	100%

NO.	AKTIVITI	UNIT PENGUKURAN	TINDAKAN	TAHUN				
				2018	2019	2020	2021	2022
Output 3 : Pengukuasaan undang-undang dan peraturan								
1	Merilangkan pemantauan pengukuasaan undang-undang dan peraturan	Kekarapan pemantauan	BHG. PENGUATKUASA	Sebulan sekali				
Output 4 : Kempen kesedaran awam mengenai kepentingan tanda pengenal haiwan dan premis dijalankan								
1	Mengadakan roadshow atau kempen kesedaran mengenai kepentingan tanda pengenal haiwan dan premis kepada penternak ruminan	Bilangan roadshow BPSPS, NEGERI Kos (RM ribu)	BPSPS, NEGERI 25	5	10	10	10	10
2	Mengadakan roadshow atau kempen kesedaran mengenai kepentingan tanda pengenal haiwan dan premis kepada penternak babi	Bilangan roadshow BPSPS, NEGERI Kos (RM ribu)	BPSPS, NEGERI -	5	5	5	5	5
3	Mengadakan roadshow atau kempen kesedaran mengenai kepentingan tanda pengenal haiwan dan premis kepada pengusaha produk haiwan	Bilangan promosi BPSPS, NEGERI Kos (RM ribu)	-	25	25	25	25	25



Strategi 5 : Keberkesanan Sistem Tanda Pengenalan Haiwan dan Premis serta Dayajejak

NO.	AKTIVITI	UNIT PENGUKURAN	TINDAKAN	TAHUN				
				2018	2019	2020	2021	2022
Output 1 : Pemantauan dan penilaian sistem pendaftaran pengenalan haiwan, premis dan dayajejak dijalankan								
1	Perlantikan <i>dedicated team</i>	Tarikh perlantikan	SKAPP	Ogos-18	Ogos-18	Ogos-18	Ogos-18	Ogos-18
2	Menyediakan kriteria penilaian (M&E)	Tarikh penyediaan	SKAPP	Okt-18	Okt-18	Okt-18	Okt-18	Okt-18
3	Menjalankan penilaian sistem pendaftaran pengenalan haiwan, premis dan dayajejak	Tarikh penilaian	<i>Dedicated team</i>	Nov-18	Nov-18	Nov-18	Nov-18	Nov-18
		Kos (RM ribu)		15	15	15	15	15
4	Menyediakan laporan dan memberi cadangan penambahanbaikan (jika ada)	Tarikh laporan	<i>Dedicated team</i>	Dis-18	Dis-18	Dis-18	Dis-18	Dis-18

SENARAI AHLI JAWATANKUASA PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK DAYAJEJAK HAIWAN KEBANGSAAN 2018-2022

Pengerusi : Dr. Saipul Bahari bin Hj. Abdul Ree

Naib Pengerusi : Dr. Rohaya Mohd Ali

- Ahli :
1. Dr. Salina binti Amad Bugis
 2. Dr. Zarina Mohamed
 3. Dr. Shahidayani binti Safee
 4. Dr. Siti Norsyakirah binti Hashim
 5. Dr. Lee Chian Hoey
 6. Pn. Hjh. Roba'atulaliah bt Mohd
 7. En. Ganthaman S. Sinniah



CATATAN

CATATAN





Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630 Putrajaya.

Tel : 03-8870 2000
Faks : 03-8888 6021
Emel : pro@dvs.gov.my
www.dvs.gov.my